

Oleh ROSHLAWATY RAEIH

ISU

## Semangat perpaduan Sekolah Wawasan

Guru dan murid daripada latar belakang berbeza berkongsi kisah di bawah satu bumbung



Bahran guru dari Kompleks Sekolah Wawasan USJ 15, Subang Jaya, Selangor ketika mengikuti program Forta Energy Drink pada tahun 2020.

**P**enubuhan Sekolah Wawasan iaitu sekolah integrasi yang menempatkan beberapa sekolah berlainan aliran dilihat sebagai satu usaha murni dalam memupuk semangat perpaduan antara murid daripada pelbagai kaum dan latar belakang.

Tiga sekolah yang terlibat iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan SJK (Tamil) ini akan berkongsi pelbagai kemudahan asas sepanjang berada di dalam kompleks sekolah yang sama.

Antara kemudahan yang dikongsi ialah padang permainan, dewan, bilik komputer, koperasi, pusat sumber dan kantin. Sekolah Wawasan yang diluluskan kabinet pada 1997 kini telah mencapai usia 24 tahun. Ia mempunyai pelbagai sasi positif dari kaca mata semua pihak.

GPSBestari berpeluang mendapatkan pandangan beberapa pihak tentang perkara ini. Bagi Pensyarah Kanan, Pusat Sains

Kemansuasiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr Hasnah Hussin, penubuhan Sekolah Wawasan memberi impak positif kepada sistem pendidikan negara dalam melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak, seimbang serta harmonis yang boleh mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada kemakmuran masyarakat juga negara.

"Sisi positif yang jelas Sekolah Wawasan ini adalah berdasarkan kepada matlamat penubuhannya iaitu mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid-murid yang pelbagai kaum dan latar belakang.

"Ini sangat bertepatan dengan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama, kepercayaan dan budaya.

"Jadi, bila murid berada dalam satu sekolah, mereka dapat bersama-sama menimba ilmu, mengikuti kegiatan kokurikulum dan segala aktiviti dalam satu pasukan yang besar bercampur pelbagai kaum. Secara tidak

langsung, perpaduan akan terbina tanpa disedari dan paksa". Katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Ditanya tentang matlamat penubuhan Sekolah Wawasan sudah tercapai atau tidak, Dr Hasnah berkata, masih terlalu awal untuk dijadikan sebagai pengukur kejayaan memandangkan penubuhannya masih tidak menyeluruh iaitu ada lima buah sahaja setakat ini.

"Saya boleh katakan, ini adalah usaha yang bagus dan perlu diteruskan kerana jika tidak dibuat secara menyeluruh, maka hanya sebahagian generasi berpeluang mengikuti dan mendapat faedah daripadanya.

"Usaha boleh dilakukan secara beransur-ansur sehingga seluruh sekolah di negara ini menerapkan elemen Sekolah Wawasan walaupun ia tidak diwartakan sebagai Sekolah Wawasan," ulasnya.

Dr Hasnah berkata, kewujudan Sekolah Wawasan adalah satu usaha yang perlu disokong oleh semua pihak dan lapisan masyarakat.

"Saya berharap Sekolah Wawasan berupaya menjadi pemangkin kepada usaha merapatkan hubungan kaum melalui elemen pendidikan di bawah satu bumbung.

"Kita ingin melihat suatu hari nanti Sekolah Wawasan ini berkembang ke seluruh tanah air. Kita mahu agar kewujudan lima buah sekolah

yang sudah ada sekarang ini menjadi contoh kepada penubuhan Sekolah Wawasan yang seterusnya," jelasnya.

Sementara itu, Pensyarah, Fakulti Pengurusan Industri UMP, Kapten



KAPTEN IMADUDDIN

harus dilihat dari perspektif yang positif iaitu satu alternatif untuk mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu.

"Saya yakin, setiap murid akan dapat berinteraksi dengan lebih bebas antara satu sama lain daripada pelbagai kaum.

**Info**

**5 KOMPLEKS SEKOLAH WAWASAN**

1. Kompleks Sekolah Wawasan Pekan Baru, Parit Buntar, PERAK
2. Kompleks Sekolah Wawasan Taman Aman, Alor Setar, KEDAH
3. Kompleks Sekolah Wawasan Tasik Permat, PULAU PINANG
4. Kompleks Sekolah Wawasan USJ 15, Subang Jaya, SELANGOR
5. Kompleks Sekolah Wawasan Pundut, Seri Manjung, PERAK

ISU



Murid-murid dari Kompleks Sekolah Wawasan USJ 15 ketika berlangsungnya Sukan Wawasan 2019.

"Mereka juga dapat belajar untuk bersikap lebih terbuka dan secara tidak langsung kita dapat melahirkan generasi yang mempunyai sikap integrasi serta perpaduan utuh antara semua kaum," katanya.

**Dapat kuasai dan bertutur tiga bahasa**

Sementara itu, Guru Pendidikan Khas Vokasional, Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional, Merbok, Kedah, Cikgu Kumaresan Muniandy, 36, berkata, wujud tiga jenis bahasa dalam persekitaran Sekolah Wawasan iaitu bahasa Melayu, bahasa Tamil dan



CIKGU KUMARESAN

kelebihan berkomunikasi dalam kalangan mereka.

"Bahasa yang digunakan untuk komunikasi tidak perlu terlalu formal hanya sekadar pertuturan yang lebih

bahasa Mandarin. "Walaupun kaum Melayu, Cina dan India mempunyai bahasa ibunda masing-masing, apabila ketiganya berkomunikasi, mereka akan menggunakan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu.

"Rata-rata murid di Sekolah Wawasan sudah mempunyai kemahiran bertutur tiga jenis bahasa tersebut dan ini memberi

**Info**

**Kementerian Pendidikan menyenaraikan empat matlamat Sekolah Wawasan**

1. Untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid-murid yang berbilang bangsa dan latar belakang
2. Untuk memupuk semangat integrasi antara murid daripada pelbagai aliran
3. Untuk melahirkan generasi yang mempunyai sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi demi mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu.
4. Untuk menggalakkan interaksi yang maklum antara semua warga sekolah melalui perkongsian kemudahan sekolah dan petakanan aktiviti-aktiviti lain di sekolah.

santai seperti bertanya khabar, ucapan terima kasih, menyebut hari, masa dan sebagainya," kata beliau.

Tambahnya, kelebihan murid dari Sekolah Wawasan berbanding sekolah biasa ialah aspek asimilasi antara satu sama lain dari segi intraksi sosial, tingkah laku, semangat kerjasama dalam pasukan serta semangat keiktiaan bangsa Malaysia.

Dalam pada itu, Cikgu Kumar berharap warga Sekolah Wawasan dapat teruskan elemen perpaduan dalam kalangan guru dan murid tanpa mengira bangsa dan agama.

"Anak-anak yang masih kecil ini perlu



**Saya mewakili masyarakat India bersetuju dengan kewujudan Sekolah Wawasan ini dan kami tidak ada apa-apa halangan untuk berada di bawah satu bumbung.**

- Rajendra

diterapkan dengan nilai toleranti, tolong menolong antara satu sama lain, memahami budaya dan sensitiviti agama serta kebebasan beragama yang tidak mengugat atau menghinakan bangsa lain. "Generasi muda haruslah diberi pendedahan tentang pentingnya mengekalkan keharmonian sejagat dalam melahirkan bangsa Malaysia yang kukuh serta mampu mempertahankan tanah air tercinta," jelasnya.

**Lakukan beberapa penambahbaikan**

"Saya mewakili masyarakat India bersetuju dengan kewujudan Sekolah Wawasan ini dan kami tidak ada apa-apa halangan untuk berada di bawah satu bumbung.

"Bukannya SJKT Saint Mary di Parit Buntar, Perak, sudah lama beroperasi di Sekolah Wawasan. Sekolah itu sebelum ini berada di lokasi lain iaitu berdekatan dengan gereja.

"Ini menunjukkan bahawa kaum India di Malaysia mendokong dan menyokong dasar dasar yang dibuat oleh kerajaan," kata Yang DiPertua PIBG, SJKT Saint Theresa's Convent, Taiping, Perak, Rajendra Subramanian, 47.

Ujarnya, Sekolah Wawasan mampu melahirkan generasi yang dapat memahami antara satu sama lain dari segi budaya, kepercayaan dan agama. "Sekolah Wawasan menenangkan murid yang berusia antara 7 hingga 12 tahun. Saya melihat, peringkat umur inilah yang paling sensitif untuk menyemai dan mengukuhkan unsur perpaduan dan mewujudkan semangat patriotik," sambungnya lagi.

Akhir sekali, Rajendra berharap beberapa penambahbaikan dapat dilakukan terhadap Sekolah Wawasan ini.

"Contohnya berkaitan perkongsian kantin di mana perlu disediakan makanan yang sesuai dengan kepercayaan dan adat masing-masing serta tidak ketinggalan isu sensitiviti (berkaitan makanan) pelbagai kaum di sekolah ini.

"Pihak sekolah juga perlu memberi ruang kepada murid-murid berkomunikasi antara satu sama lain dan memberi ruang kepada mereka supaya dapat bergaul dengan murid daripada pelbagai latar belakang tanpa mengira bangsa, agama dan kepercayaan," tuturnya.